

## PENGUBAHAN SEMULA JANTINA BAGI PELAKU TRANSEKSUAL MENGIKUT SUDUT PANDANG FIQH

Mustafa bin Mat Jubri @ Shamsuddin  
Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh,  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Email: mussham@iiu.edu.my

### ABSTRAK

Umum mengetahui bahawa pengubahan jantina atau transeksual adalah diharamkan di dalam Islam bahkan ia dikategorikan sebagai dosa besar. Ini kerana sekiranya Islam melarang penyerupaan antara jantina yang berlainan maka pengubahan dari satu jantina kepada jantina yang lain lebih lagi dilarang. Hukum ini jika dilihat dari sudut Fiqh maka ia adalah kerana maksud penipuan dan pengubahsuaian ciptaan Allah yang terkandung dalam masalah ini. Dan jika ia dilihat dari sudut Usul Fiqh maka ia adalah kerana pertentangan terhadap tujuan (مقصد) penciptaan manusia berbeza jantina untuk saling melengkapi di samping menjadi sebab ujian (ابتلاء) dalam membezakan tingkatan manusia. Umum membincangkan isu transeksual ini dari sisi pandang pra-situasi iaitu hukum melakukan pengubahan jantina bagi mereka yang belum melakukannya kerana mengambil kira konsep pencegahan kemudaratan (منع الضرر). Kajian ini menjurus kepada isu transeksual dari sisi pandang pasca-situasi iaitu hukum melakukan pengembalian semula jantina bagi mereka yang telah mengubahnya dalam mengambil kira konsep penghilangan kemudaratan (رفع الضرر). Transeksual adalah kemudaratan yang dicegah sekiranya belum berlaku dan dihilangkan sekiranya telah berlaku. Sejauh manakah kewajipan melakukan pengubahan jantina untuk mengembalikan jantina asal bagi mereka yang telah sedar dan kembali kepada ajaran Islam? Jika pengubahan jantina kali kedua ini wajib, apakah hukum-hukum fiqh yang berkaitan dengannya? Jika pengubahan jantina kali kedua ini tidak wajib apakah pula hukum-hukum fiqh yang berkaitan dengannya? Persoalan-persoalan ini menjadi asas permasalahan dalam kajian ini dengan memfokuskan kepada pasca situasi transeksual dari aspek hukum-hukum fiqh yang berkaitan dengan mengambil kira metodologi Usul Fiqh dan pemeliharaan Maqasid Shariah.

Kata Kunci: Hukum, Fiqh, Transgender, Transeksual, Ijtihad, Maqasid.

### 1. Pendahuluan

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w.

Sesungguhnya Allah maha berkuasa untuk menciptakan manusia dalam keadaan mereka hanya dengan satu jantina sahaja, akan tetapi setelah Allah mencipta Adam a.s. di syurga, Allah juga telah mencipta baginya Hawa a.s untuk melengkapkan kehidupan dan tugasnya sebagai khalifah di muka bumi. Dan Allah juga telah menciptakan sekalian makhlukNya dalam keadaan berpasangan-pasangan dari jantina yang berbeza seperti firmanNya dalam surah al-Zariyyat ayat 49: ((ومن كل شيء خلقنا زوجين)) "Dan dari setiap sesuatu Kami ciptakan berpasang-pasangan agar kamu mengetahui".

Adalah menjadi kehendak Allah kewujudan manusia dengan dua jantina yang berbeza, dan ia juga bertepatan dengan tujuan Allah dalam penciptaan manusia dan perbezaan tanggungjawab dan hak bagi setiap jantina. Berasaskan perkara ini, Allah telah meletakkan hukum-hukum fiqh yang berbeza bagi lelaki dan wanita, kerana mengambil kira perbezaan tadi dan juga ketidaksamaan dari sudut fizikal dan spiritual. Oleh yang demikian, segala perkara yang membawa kepada penyama-rataan lelaki dan wanita secara total adalah menyalahi kehendak Allah, sebagaimana juga segala perkara yang menyebabkan perubahan jantina adalah dianggap menyanggah ketentuan dan hukum Allah.

Kajian ini merujuk kepada situasi pengubahan jantina atau apa yang disebut sebagai transeksual dari penilaian syarak dengan mengkhususkan kepada pasca-situasi. Pengubahan jantina adalah diharamkan oleh syarak dengan dalil dan konsep yang akan dibincangkan nanti, maka ia di situasi ini ditangani dengan cara pencegahan melalui penghalangan dan penutupan jalan-jalan ke arahnya. Namun, jika pengubahan jantina telah berlaku, maka ia di situasi ini ditangani dengan cara penghilangan melalui perawatan dan pemberhentian kesan-kesannya.

### 2. Konsep Pencegahan Kemudaratan Dalam Pra-Situasi Transeksual

Sebelum membincangkan pasca-situasi transeksual, penulis akan membentangkan secara ringkas mengenai pra-situasi transeksual dan konsep yang digunakan oleh syarak dalam mengharamkan pengubahan jantina sebelum ia berlaku. Perbincangan ini menjadi pendahuluan kepada perbincangan asas kajian ini iaitu pasca-situasi transeksual, dari sudut yang lain ia memaparkan

kesempurnaan penghukuman Allah terhadap sesuatu yang mana ia meliputi sebelum dan selepas keadaan perkara yang dihukumkan.

## 2.1. Transeksual Sebagai Kemudaratan

Transeksual diharamkan di dalam Islam kerana ia adalah kemudaratan dan membawa kepada kemudaratan. Berdasarkan kaedah fiqh bahawa kemudaratan itu mesti dihilangkan (الضرر يزال) (al-Sayuti, 1990), maka transeksual juga wajib dihilangkan. Kaedah ini mencakupi kemudaratan yang belum berlaku dengan cara penghalangan dan juga kemudaratan yang telah berlaku dengan cara penghilangan. Pendalilan kepada pengharaman transeksual secara ringkasnya adalah seperti berikut:

2.1.1. Allah telah berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 119 bahawa antara penyelewangan yang syaitan mahu manusia lakukan adalah mengubah ciptaan Allah (فليغيرن خلق الله). Dapat difahami dari ayat ini bahawa perubahan ciptaan Allah adalah ditegah kerana ia merupakan tujuan jahat yang syaitan mahukan dari manusia demi untuk membawa mereka ke neraka (Ibn 'Ashur, 1984). Transeksual adalah mengubah ciptaan Allah, kerana seseorang yang dilahirkan sebagai lelaki telah diciptakan Allah untuk jantina tersebut, yang mana jika dia mengubah jantintanya maka dia dikira telah mengubah ciptaan Allah, dan termasuk dalam hukum pengharaman ini.

2.1.2. Diriwayatkan oleh Bukhari dalam sebuah hadis bahawa Rasulullah s.a.w. melaknat orang lelaki yang menyerupai wanita dan orang wanita yang menyerupai lelaki (لعن رسول الله المتشبهين من الرجال بالنساء والمتشبهات من النساء للرجال) (المنطوق). Cara pengeluaran hukum dari hadis ini adalah dengan dua cara, pertama: makna zahir (المنطوق) bagi perkataan laknat dan kedua: makna secara lebih patut dihukumkan (فحوى الخطاب) bagi perkataan menyerupai dalam hadis ini. Setiap perkataan laknat yang terkandung di dalam nas-nas syarak adalah menunjukkan kepada pengharaman (al-Nawawi, 1997), dan ia difahami sebagai indikator kepada pengklasifikasian sesuatu perbuatan dalam kategori dosa-dosa besar. Manakala makna secara lebih patut dihukumkan bagi perkataan menyerupai yang diharamkan dalam hadis ini adalah menunjukkan bahawa sekiranya penyerupaan itu diharamkan maka perubahan lebih sepatutnya diharamkan kerana di dalam perubahan terkandung penyerupaan secara pasti, akan tetapi di dalam penyerupaan tidak semestinya mengandungi perubahan.

2.1.3. Sebagaimana yang disebut sebelum ini bahawa transeksual adalah kemudaratan yang membawa kepada kemudaratan, maka ia diharamkan dengan dalil Sadd al-Zaraie (سد الزرائع). Aplikasi yang mudah bagi dalil ini adalah dengan melihat kepastian kesan buruk yang akan berlaku akibat melakukan sesuatu yang ada kemaslahatan (al-Shatibi, 1997). Di dalam konteks perubahan jantina, ia lebih wajar untuk diharamkan, kerana seandainya kemaslahatan yang membawa kepada kemudaratan itu dihalang, maka kemudaratan yang membawa kepada kemudaratan yang lain selayaknya untuk diharamkan dan dicegah. Antara kemudaratan yang akan terhasil dari perubahan jantina adalah seperti kecelaruan hukum akibat ketidakjelasan status jantina, hubungan seks sesama jenis dan kerosakan tubuh badan.

2.1.4. Kemudaratan besar yang terkandung di dalam perubahan jantina ialah penipuan atau al-taghrir (التغدير). Hukum-hakam Islam berdiri di atas kejelasan dan ketelusan, segala kesamaran dan ketidakjelasan yang terhasil dari perbuatan menipu atau menyembunyikan adalah diharamkan dan ditegah sekeras-kerasnya. Jika seorang yang dilahirkan lelaki mengubah jantintanya kepada wanita atau sebaliknya, maka dia telah melakukan penipuan terhadap dirinya dan orang lain dengan menyembunyikan jantina asalnya.

2.1.5. Transeksual juga jika dilihat dari sudut maqasid syariah berlawanan dengan tujuan dan maksud yang Allah mahukan dari syariatNya iaitu memelihara fitrah manusia. Ini kerana syariat itu diturunkan untuk menjaga fitrah manusia (الفطرة) dan mengawalinya dari tergelincir ke jurang kesesatan, dan maka segala yang bertentangan dengan fitrah manusia adalah dianggap bertentangan dengan syariat Allah (Ibn 'Ashur, 2004). Secara fitrahnya, setiap manusia akan hidup dengan jantina yang diciptakan untuknya, tanpa menyerupai jantina yang lain atau pun menukarnya. Oleh yang demikian, perubahan jantina adalah berlawanan dengan fitrah, dan secara tidak langsung ia berlawanan dengan maqasid syariah.

## 2.2. Konsep Pencegahan Kemudaratan

Pendalilan sebelum ini lebih terarah kepada pencegahan kemudaratan yang terkandung di dalam perubahan jantina sebelum ia berlaku dengan cara mengharamkannya. Pengetahuan tentang pengharaman ini akan menjadi penghalang manusia dari melakukannya, seterusnya hukum ini dapat mencegah transeksual ini dari berlaku dan dilakukan. Konsep pencegahan ini tidak hanya terbatas kepada pengharaman transeksual secara khusus malah segala perkara yang boleh membawa kepada kegagalan pelaksanaan hukum ini juga diharamkan.

Ini berasaskan kepada beberapa konsep dalam syarak yang digunakan oleh ulamak untuk mencegah kemudaratan. Secara ringkasnya ia seperti berikut:

2.2.1. Dalil yang paling asas dalam pencegahan kemudaratan adalah Sadd al-Zaraie seperti yang disebut sebelum ini. Disebabkan kemudaratan yang terkandung di dalam perbuatan mengubah jantina serta kemudaratan-kemudaratan lain yang akan terhasil akibatnya maka ia diharamkan. Ini dinamakan sebagai konsep pencegahan kemudaratan yang mana pengharaman sesuatu perkara sebelum ia berlaku adalah untuk mencegah dari ia benar-benar berlaku, kerana mencegah itu lebih penting daripada menghilangkan (منع الضرر أولى من رفعه).

2.2.2. Termasuk di dalam pencegahan kemudharatan bagi kesalahan transeksual ini pengharaman segala perkara yang membawa kepada berlakunya perbuatan ini melalui konsep ahkam al-wasail (أحكام الوسائل). Ia bermaksud jalan itu diberikan hukum tujuan (للسيلة حكم الغاية), sekiranya perbuatan yang diharamkan ini terhasil dengan jalan-jalan atau sebab-sebab tertentu, maka semua jalan dan sebab ini juga semestinya diharamkan ('Izz al-Din, 1991). Contohnya mengharamkan organisasi atau pertubuhan yang membiayai atau mengelola golongan transgender dan mengenakan tindakan undang-undang ke atas individu atau institusi yang melakukan pembedahan transeksual.

### 3. Konsep Penghilangan Kemudharatan Dalam Pasca-Situasi Transeksual

Setelah penulis bantahkan secara ringkas konsep pencegahan kemudharatan dalam pra-situasi transeksual, maka di sini penulis datangkan pula perbincangan konsep penghilangan kemudharatan dalam pasca-situasi. Hal ini kerana sekiranya pencegahan tidak mampu menghalang perbuatan ini, maka ia tidak menjadi sebab untuk membiarkannya dari terus berlaku, dan di sinilah kepentingan konsep penghilangan kemudharatan dalam pasca-situasi. Apabila kemudharatan yang diharamkan itu tetap juga berlaku, ia wajib dihilangkan dengan apa sahaja cara, kerana menghilangkan kemudharatan itu lebih utama dari membiarkannya (إلغاء الضرر أولى من إبقائه).

#### 3.1. Faktor Penghilangan Kemudharatan

Faktor yang membawa kepada persoalan perlunya menghilangkan kemudharatan dalam pasca-situasi transeksual ini terbahagi kepada dua. Faktor-faktor itu ialah:

3.1.1. **Faktor luaran:** ia merujuk kepada satu kuasa perundangan di luar kehendak pelaku transeksual. Perbuatan mengubah jantina tidak termasuk di dalam kategori kesalahan yang dikenakan hukuman hudud atau qisas. Maka secara automatiknya, ia tertakluk kepada hukuman takzir mengikut apa yang diputuskan oleh pemerintah. Mengikut undang-undang di Malaysia perbuatan ini diletakkan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah, dan dikenakan hukuman denda atau takzir (Marziana, 2014). Perlu diketahui bahawa hukuman ini tidak membahawa kepada penghilangan kemudharatan, kerana kemudharatan itu masih berlaku, bahkan hukuman ini hanyalah dikira sebagai langkah pencegahan sahaja. Hukuman yang paling bertepatan dengan maksud menghilangkan kemudharatan adalah dengan mewajibkan pelaku transeksual ini mengubah semula jantina mereka kepada jantina yang asal.

3.1.2. **Faktor dalaman:** ia merujuk kepada kehendak pelaku transeksual tanpa ada tekanan undang-undang. Bagi pelaku transeksual yang ingin bertaubat atas kesedaran tentang dosa melakukan pengubahan jantina, dia juga perlu untuk menghilangkan kemudharatan ini. Selain berhenti melakukan dosa dan kemudharatan, taubat yang benar juga menuntut untuk menghilangkan dosa dan kemudharatan tersebut (al-Zarkashi, 1985). Maka, pelaku transeksual yang telah bertaubat wajib juga untuk menghilangkan kemudharatan yang dilakukannya dengan mengubah semula jantina mereka kepada jantina yang asal.

#### 3.2. Hukum Dan Kondisi Pengubahan Semula Jantina

Bagi mereka yang telah melakukan pengubahan jantina, keatas mereka persoalan hukum pengembalian semula jantina asal samada disebabkan desakan undang-undang atau tuntutan taubat kesedaran. Secara umumnya hukum pengembalian semula jantina asal bagi pelaku transeksual ini adalah **wajib**, kerana dengan hukum ini kemudharatan yang terhasil dari kesalahan ini dapat dihilangkan. Ia berdasarkan dalil-dalil pengharamannya di samping kemudharatan-kemudharatan lain yang berlaku disebabkan.

Namun secara terperinci, hukum wajib ini perlu diperhalusi dengan bersuluhkan beberapa pemahaman dan pertimbangan yang diterima oleh syarak dan diperakui oleh ilmuwan Islam. Oleh yang sedemikian, maka hukum pengembalian semula jantina asal bagi pelaku transeksual boleh dibahagikan kepada dua hukum; wajib dan tidak wajib mengikut kondisi yang berbeza-beza. Antara dalil dan keadah yang digunakan dalam penentuan hukum ini ialah Istihsan, Fiqh al-Muwazanat, Fiqh al-Awlawiyat adan Fiqh al-Ma'alat.

3.2.1. Seorang pelaku transeksual **wajib** keatasnya melakukan pengembalian semula jantina asalnya sebagai salah satu tuntutan hukuman syarak dan keabsahan taubatnya. Kondisi ini terikat dengan syarat-syarat berikut:

1. Pengubahan semula jantina tidak mendatangkan kemudharatan yang lebih besar kepada diri pelaku tersebut, ini kerana kemudharatan tidak boleh dihilangkan dengan kemudharatan yang lain (الضرر لا يزال بمثله ولا بأكثر منه) (al-Zarkashi, 1985). Contohnya, seorang lelaki yang melakukan pembedahan pembesaran payudara untuk menyerupai wanita, mestilah melakukan pembedahan kedua untuk mengembalikannya kepada saiz asalnya dengan syarat pembedahan ini tidak mendatangkan kemudharatan keatas dirinya.
2. Pengubahan semula jantina tidak mendatangkan kemudharatan yang lebih besar kepada diri orang lain, ini kerana kemudharatan yang khusus dibiarkan untuk mengelakkan kemudharatan yang umum (يحتمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام) (Ibn Nujaim, 1999). Contohnya, seseorang lelaki yang melakukan pembedahan kosmetik pada mukanya untuk menyerupai wanita, mestilah melakukan pembedahan kedua untuk mengembalikan wajah asalnya dengan syarat pembedahan ini tidak melibatkan kos yang tinggi yang dengannya dia tidak mampu memberikan nafkah wajib kepada tanggungannya.

3. Pembedahan semula jantina tidak mendatangkan kemudharatan yang sama kepada orang lain, kerana menghilangkan kemudharatan pada diri seseorang tidak membolehkannya memudharatkan orang lain (ليس لأحد أن يدفع الضرر عن نفسه بالإضرار بغيره) (al-Sarakhsi, 1993). Contohnya, seseorang wanita yang melakukan pembedahan pembedahan jantina dengan membuang sesuatu bahagian dari badannya mestilah melakukan pembedahan pengembalian semula bahagian tersebut dengan syarat ia tidak memudharatkan orang lain seperti mengambil bahagian tersebut dari orang lain.
4. Pembedahan semula jantina tidak menghasilkan kemudharatan lain yang diharamkan secara sengaja atau pun tidak, kerana apa sahaja yang membawa kepada haram maka ia diharamkan (ما أدى إلى حرام فهو حرام) ('Izz al-Din, 1991). Contohnya, seseorang wanita yang melakukan pembedahan keatas tubuh badannya untuk menyerupai lelaki mestilah melakukan pembedahan semula untuk mengembalikan jantina asalnya dengan syarat ia tidak membawa kepada yang haram seperti menjadikannya wanita yang lain tidak seperti asalnya.

3.2.2. **Tidak wajib** bagi seorang pelaku transeksual untuk melakukan pembedahan semula kepada jantina asalnya dan keadaannya itu tidak dianggap kemudharatan yang mesti dihilangkan. Kondisi ini terikat dengan syarat-syarat berikut:

1. Pembedahan semula jantina menjadi tidak wajib keatas pelaku transeksual sekiranya pembedahan atau pemulihan untuk mengembalikan jantina asalnya mendatangkan kemudharatan yang keatas dirinya, apatahlagi jika ia melibatkan pembedahan yang besar seperti mengubah anggota kemaluan. Ketidakwaipan ini berpandukan kaedah bahawa kemudharatan tidak dihilangkan dengan kemudharatan seperti yang disebut sebelum ini (الضرر لا يزال بالضرر) (al-Zarkashi, 1985). Contohnya, seseorang yang telah melakukan pembedahan untuk mengubah anggota kemaluannya seperti memotong zakarnya bagi lelaki, maka keatasnya kemudharatan yang lebih besar untuk melakukan pembedahan kali kedua.
2. Pembedahan semula jantina menjadi tidak wajib keatas pelaku transeksual sekiranya pengembalian semula jantina asalnya memerlukan perbelanjaan kewangan yang membebarkannya. Ketidakwaipan ini berasaskan konsep Istihsan Bi Darurat (الاستحسان بالضرورة) yang mana ia mengecualikan keadaan tertentu dari hukum asalnya disebabkan kesukaran dan kepayahan (al-Dabbusi, 2001). Ini kerana, hukum asal mengubah semula jantina adalah wajib dengan dalil-dali yang terdahulu, namun keadaan yang mana sekiranya berpegang dengan hukum asal ini menjadi sukar dan payah, maka ia dikecualikan dari hukum ini. Contohnya, seseorang yang melakukan pembedahan menukar jantina, telah membelanjakan wang yang besar kerana kebiasaannya pembedahan ini melibatkan kepakaran, peralatan dan rawatan yang canggih dan rapi. Jika pelaku tersebut wajib menjalani semula pembedahan ini, sudah pasti dia terbeban dengan perbelanjaan yang tinggi, apatah lagi jika perbelanjaan ini mengakibatkan kemudharatan keatas pihak lain.
3. Pembedahan semula jantina juga tidak menjadi wajib keatas pelaku transeksual ini sekiranya kemudharatan yang menjadi sebab pengharaman perbuatan ini secara pastinya tidak memudharatkan dan tidak membawa kemudharatan. Ia berteraskan kepada kaedah bahawa setiap perkara yang tidak menghasilkan maksud dan tujuannya maka ia tidak dikira dalam syarak (كل تصرف لا يحصل مقصوده فإنه لا يشرع) (al-Qarafi, 1998). Penjelasannya ialah pembedahan jantina diharamkan kerana kemudharatan yang terhasil darinya keatas diri pelaku dan orang lain, dan sekiranya secara pasti dalam satu keadaan yang mana kemudharatan itu tidak berlaku maka pembedahan semula tidak menjadi wajib. Contohnya, pembedahan pinggul lelaki supaya kelihatan seperti wanita, kemudharatan yang terhasil adalah sedikit kerana maksud penipuan dan kesamaran di sini tidak jelas.
4. Pembedahan semula jantina dikira juga tidak wajib sekiranya tiada perawat atau pakar yang boleh melakukannya, ini kerana ketiadaan yang menyempurnakan kewajipan menjadikan kewajipan itu tidak wajib. Ia tertakluk dengan kaedah ketiadaan syarat menyebabkan ketiadaan yang disyaratkan (انتفاء الشرط يتضمن انتفاء المشروط) (al-Juwayni, 1997), syarat pembedahan semula ialah adanya pakar yang mampu memulihkan, sekiranya syarat ini tidak ada, maka hukum ini tidak menjadi wajib.

#### 4. Hukum-Hukum Fiqh Berkaitan Pembedahan Semula Jantina

Dalam perbincangan yang lalu, penulis bantahkan dua hukum bagi dua keadaan yang berlaku keatas pelaku transeksual, samaada wajib melakukan pembedahan semula jantina atau tidak wajib melakukannya. Bagi setiap keadaan ini ada hukum-hukum fiqh yang berkaitan dengannya, kerana ia menentukan status jantina bagi pelaku tersebut dan seterusnya hukum-hakam yang berlaku selepasnya. Sebagaimana yang pernah disebut sebelum ini, Islam amat mementingkan kejelasan dan mengharamkan kesamaran, maka jantina yang dikira sebagai satu identiti yang terpenting bagi seorang mukallaf semestinya juga jelas tanpa ada kecelaruan.

Secara asalnya, setiap mukallaf itu dihukumkan dengan jantina yang diciptakan Allah baginya ketika dia dilahirkan. Pembezaan syarak antara jantina dalam hukum-hakam bermula semenjak selepas kelahiran lagi, bermula dengan menamakan anak tersebut dengan nama yang bersesuaian dengan jantina dan perbezaan bilangan haiwan yang disembelih dalam ibadah aqiqah baginya. Amatlah jelas bahawa syarak amat menitikberatkan status jantina seseorang kerana bagi setiap jantina ada hukum yang berbeza.

#### 4.1. Hukum Fiqh Bagi Yang Wajib Mengubah Semula Jantina

Sekiranya seseorang itu telah melakukan perubahan jantina secara keseluruhan atau sebahagian, lalu dikenakan tindakan undang-undang atau timbul kesedaran untuk bertaubat, dan syarat-syarat yang mengikat kondisi pertama tadi ada dengan sempurna, dan juga syarat-syarat yang mengikat kondisi kedua tadi tiada, maka **wajib** keatasnya melakukan pengembalian semula jantina asalnya samaada melalui pembedahan, pemulihan, pengubatan dan perawatan.

Hukum wajib ini memberi kesan kepada beberapa hukum fiqh lain yang berkaitan dengan status jantina pelaku transeksual. Ini merangkumi dua keadaan, iaitu sebelum perubahan semula dan selepas perubahan semula.

4.1.1. Antara hukum fiqh yang berkaitan bagi pelaku transeksual sebelum perubahan semula ialah:

1. Berkenaan hukum aurat bagi pelaku transeksual, sekiranya perubahan jantina lelaki contohnya menjadikannya menyerupai perempuan dari sudut luarannya, maka lelaki tersebut mestilah menutup aurat seperti perempuan demi mengelakkan kemudaratan yang lain berdasarkan dalil Sadd al-Zaraie (سد الزرائع). Tetapi sekiranya pengubahannya tidak menjadikannya dilihat seperti perempuan secara zahirnya maka dia perlu mengambil hukum asal baginya berdasarkan konsep pengharaman memperakui kemaksiatan (التقرير على المعصية معصية) (al-Sarakhsi, 1993).
2. Berkenaan hukum-hukum yang berkaitan dengan status jantainya sebelum perubahan maka ia berasaskan dalil al-Istishab (الاستصحاب) iaitu pengekalan apa yang berlaku pada masa lalu sehingga pada waktu-waktu seterusnya (al-Dabbusi, 2001). Contohnya, seorang lelaki yang mempunyai anak, kemudian lelaki tersebut mengubah jantainya kepada wanita, maka anaknya itu tetap dinasabkan kepadanya, isterinya juga tetap kekal menjadi isterinya dan seandainya isterinya meninggal dunia dalam keadaan ini, dia tetap menerima bahagian faraid sebagai seorang suami.
3. Berkenaan dengan hukum zakat, pelaku transeksual yang wajib melakukan perubahan semula dibolehkan mendapat wang zakat sekiranya kemampuan kewangannya tidak mencukupi. Dia boleh dikategorikan dalam asnaf al-gharim (الغارم) iaitu yang berhutang, kerana keperluan mendapatkan wang untuk membayar perkara yang wajib (Ibn 'Ashur, 1984), dengan syarat dia telah mengetahui anggaran perbelanjaan yang diperlukan dan tempat yang bersesuaian serta perawat atau doktor yang berkepakaran.

4.1.2. Antara hukum fiqh yang berkaitan bagi pelaku transeksual selepas perubahan semula ialah:

1. Hukum yang berkaitan dengan pelaku transeksual selepas perubahan semula yang mengembalikan asal jantainya seperti sediakala adalah hukum yang tertakluk dengan jantina asal tersebut. Contohnya, seorang lelaki yang melakukan perubahan jantina kepada perempuan dan kembali dengan pembedahan atau pengubatan kepada jantina asalnya iaitu lelaki, maka dia dihukumkan sebagai lelaki. Ini berdasarkan kaedah sekiranya yang menghalang itu hilang maka yang terhalang itu kembali (إذا زال المانع عاد الممنوع) (al-Nadawi, 1998).
2. Hukum yang berkaitan dengan pelaku transeksual selepas perubahan semula yang mengembalikan sebahagian anggota dan tidak dapat mengembalikan sebahagian yang lain atas sebab-sebab yang tidak mewajibkan perubahan semula adalah hukum yang tertakluk dengan jantina asal dan juga jantina kedua ini. Perkara ini akan dibincangkan dalam hukum bagi yang tidak wajib mengubah semula jantina selepas ini.
3. Sekiranya berlaku kematian pelaku transeksual ini sebelum atau semasa pengubatan atau pembedahan mengembalikan semula jantainya maka dia dihukumkan dengan jantina asalnya. Contohnya, seorang wanita melakukan perubahan jantina kepada lelaki dan meninggal dunia sebelum atau semasa pembedahan perubahan semula, jenazahnya akan diuruskan sebagai seorang wanita. Ini berpandukan dalil al-Istishab (الاستصحاب) yang pernah disebut sebelum ini.

#### 4.2. Hukum Fiqh Bagi Yang Tidak Wajib Mengubah Semula Jantina

Sekiranya seseorang itu telah melakukan perubahan jantina secara keseluruhan atau sebahagian, lalu dikenakan tindakan undang-undang atau timbul kesedaran untuk bertaubat, akan tetapi syarat-syarat yang mewajibkannya melakukan perubahan semula tidak sempurna dan ditambah dengan adanya syarat-syarat yang tidak mewajibkannya, maka **tidak wajib** keatasnya melakukan pengembalian semula jantina asalnya samaada melalui pembedahan, pemulihan, pengubatan dan perawatan.

Namun ketidakwajipan ini perlu dilihat dari kaedah apa yang mudah itu tidak gugur dengan apa yang sukar (الميسور لا يسقط بالمعسور) (al-Suyuti, 1990). Sekiranya pelaku ini mendapati kemudahan untuk mengubah sebahagian anggota badannya maka ketidakwajipan yang umum itu tidak menghalangnya untuk melakukan perkara yang mampu dilakukannya. Contohnya, seorang lelaki mengubah jantainya menjadi wanita, dan tidak wajib keatasnya untuk mengubah semula kepada jantina asalnya disebabkan sebab-sebab yang disebut sebelum ini, maka ia tidak bermakna dia boleh kekal dengan penampilan sebagai seorang wanita. Apa yang mudah baginya untuk ditinggalkan seperti tidak berlagak wanita tetap menjadi wajib sekalipun tidak wajib keatasnya untuk mengubah semula jantainya.

Hukum tidak wajib ini memberi kesan kepada beberapa hukum fiqh lain yang berkaitan dengan status jantina pelaku transeksual. Ini merangkumi dua keadaan, iaitu hukum berkaitan jantina asal dan hukum berkaitan jantina kedua.

4.2.1. Hukum fiqh yang berkaitan dengan jantina asal bagi pelaku transeksual adalah berdasarkan dalil al-Istishab (الاستصحاب) yang disebut sebelum ini. Ini kerana jantina asal bagi seseorang adalah realiti yang diciptakan Allah bagi dirinya dan menghilangkan realiti adalah satu perkara yang mustahil (رفع الواقع محال) (al-Khattob, 1992). Antara hukum fiqh yang berkaitan dengan jantina asal bagi pelaku transeksual yang kekal dengan keadaannya:

1. Hukum yang berkaitan dengan pelaku tersebut dan dirinya sendiri ialah diharamkan keatasnya untuk menganggap bahawa dirinya sebagai jantina yang kedua dan diharamkan juga keatasnya untuk menganggap bahawa dia telah melakukan perubahan ciptaan Allah. Apa yang wajib keatasnya adalah sentiasa beristighfar dan meminta ampun dari Allah terhadap kesalahan yang telah dilakukan.
2. Hukum yang berkaitan dengan pelaku tersebut dan Allah dalam perkara-perkara yang melibatkan hak-hak Allah (حقوق الله) seperti ubudiyah ialah wajib keatasnya mengambil hukum-hakam yang berkait dengan jantina asalnya. Ini kerana, perkara-perkara seperti ini tidak membezakan antara jantina dan perbezaan jantina tidak memberi apa-apa kesan dalam hukum seperti ini.
3. Hukum yang berkaitan dengan pelaku tersebut dan orang lain dalam perkara-perkara yang melibatkan hak-hak manusia (حقوق العباد) seperti muamalat, jinayat dan munakahat ialah wajib keatasnya berpegang dengan hukum yang berkait dengan jantina asalnya. Jika ada pembezaan syarak antara jantina dalam hukum-hakam ini semestinya baginya untuk mengikut hukum yang bertepatan dengan jantina asalnya, melainkan sekiranya perubahan jantina memberi kesan yang besar terhadap hukum. Contohnya perkahwinan, seorang lelaki yang telah menukar anggota kemaluannya supaya menjadi wanita dan dihukumkan tidak wajib keatasnya untuk mengubah semula, tidak boleh berkahwin dengan lelaki yang lain. Ini kerana perubahan ini memberi kesan yang besar terhadap hukum perkahwinan, apatahlagi lelaki yang bertukar menjadi wanita ini tidak boleh memenuhi secara sempurna beberapa tujuan perkahwinan.

4.2.2. Hukum fiqh yang berkaitan dengan jantina kedua adalah berdasarkan konsep pertimbangan antara kemaslahatan dan kemudaran (الموازنة بين المصلحة والمفسدة). Antara hukum fiqh yang berkaitan dengan jantina asal bagi pelaku transeksual yang kekal dengan keadaannya:

1. Hukum yang berkaitan dengan pelaku tersebut dan orang lain dalam perkara-perkara yang membawa kemudaran yang lebih besar sekiranya berpegang dengan hukum jantina asal. Contohnya aurat yang disebut terdahulu, seorang lelaki yang tidak wajib mengubah semula jantina setelah dia menjadi wanita secara keseluruhan luaran tubuhnya, wajib keatasnya mengambil hukum aurat bagi jantina kedua demi mengelakkan kemudaran yang lebih besar berbanding kemaslahatan.
2. Hukum yang berkaitan dengan pengkhususan kepada satu jantina berbanding dengan jantina yang lain yang mana kemudaran yang lebih besar akan berlaku sekiranya berpegang dengan hukum jantina asal. Contohnya menjadi imam solat bagi jemaah lelaki dan wanita, seorang lelaki yang tidak wajib mengubah semula jantina setelah dia menjadi wanita secara keseluruhan luaran tubuhnya, haram keatasnya menjadi imam dan dia dianggap seperti wanita dalam hukum ini demi mengelakkan kemudaran yang lebih besar berbanding kemaslahatan.

## 5. Kesimpulan

Beberapa kesimpulan yang ingin penulis catatkan di hujung kajian ini ialah:

1. Transeksual diharamkan di dalam Islam kerana ia adalah kemudaran dan membawa kepada kemudaran.
2. Faktor yang membawa kepada persoalan perlunya menghilangkan kemudaran dalam pasca-situasi transeksual ini terbahagi kepada dua iaitu faktor luaran dan faktor dalaman.
3. Secara umumnya hukum pengembalian semula jantina asal bagi pelaku transeksual ini adalah wajib, kerana dengan hukum ini kemudaran yang terhasil dari kesalahan ini dapat dihilangkan.
4. Sekiranya seseorang itu telah melakukan perubahan jantina secara keseluruhan atau sebahagian, lalu dikenakan tindakan undang-undang atau timbul kesedaran untuk bertaubat, dan syarat-syarat yang mengikat kondisi pertama tadi ada dengan sempurna, dan juga syarat-syarat yang mengikat kondisi kedua tadi tiada, maka wajib keatasnya melakukan pengembalian semula jantina asalnya samaada melalui pembedahan, pemulihan, pengubatan dan perawatan.
5. Sekiranya seseorang itu telah melakukan perubahan jantina secara keseluruhan atau sebahagian, lalu dikenakan tindakan undang-undang atau timbul kesedaran untuk bertaubat, akan tetapi syarat-syarat yang mewajibkannya melakukan perubahan semula tidak sempurna dan ditambah dengan adanya syarat-syarat yang tidak mewajibkannya,

maka tidaklah wajib keatasnya melakukan pengembalian semula jantina asalnya samaada melalui pembedahan, pemulihan, pembedahan dan perawatan.

## Rujukan

- 'Izz al-Din, Abd al-Aziz bin Abd al-Salam. (1991). *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Tahqiq: Toha Abd al-Ra'uf Sa'ad. Kaheerah, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Al-Dabbusi, Abdullah bin Umar. (2001). *Taqwim al-Adillah fi Usul al-Fiqh*. Tahqiq: Kholil Muhyiddin al-Mis. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Juwayni, Abd al-Malik bin Abdullah. (1997). *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Tahqiq: Solah bin Muhammad. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khattob, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad. (1992). *Mawahib al-Jalil fi Sharh Mukhtasor Kholil*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Al-Nadawi, Ali Ahmad. (1998). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dimashq, Dar al-Qalam.
- Al-Nawawi, Muhyiddin Yahya bin Syaraf. (1997). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (1998). *Al-Furuq*. Tahqiq: Kholil al-Mansur. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. (1993). *Al-Mabsut*. Beirut, Dar al-Ma'rifah.
- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. (1997). *Al-Muwafaqat*. Tahqiq: Abu 'Ubaydah Mashur bin Hasan. Riyad, Dar Ibn 'Affan.
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (1990). *Al-Ashbah wa al-Nazo'ir*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin Abdullah. (1985). *Al-Manthur fi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Kuwait, Wizarah al-Awqaf.
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tohir bin Muhammad. (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia, al-Dar al-Tunisiah li al-Nashr.
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tohir bin Muhammad. (2004). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Tahqiq: Muhammad al-Habib bin al-Hujah. Qatar, Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Ibn Nujaim, Zain al-Din bin Ibrahim. (1999). *Al-Ashbah wa al-Nazo'ir*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Marziana Abd Malib dan Mimi Sofiah Ahmad Mustafa. (2014). *Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?* Journal of Business and Social Development. Volume 2, Number 2, September.